

22/05/1997

MEC jamin ambil vendor Bumiputera

KUANTAN, Rabu - Kerajaan negeri yang memperoleh 10 peratus ekuiti dalam projek Bandar MEC (Malaysia Electric Corporation) di Gambang, dekat sini, akan memastikan program vendornya turut membabitkan usahawan Bumiputera, termasuk dari Pahang.

Jaminan itu selaras hasrat Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mahu meramaikan golongan kelas pertengahan di kalangan orang Melayu.

Dalam sidang akhbar selepas melancarkan pembinaan Bandar MEC, baru-baru ini, Perdana Menteri berkata, usahawan Bumiputera akan digalakkan membabitkan diri dalam program vendor di bandar itu bagi membolehkan mereka menjadi golongan kelas pertengahan.

Menteri Besar, Tan Sri Mohd Khalil Yaakob, berkata kerajaan negeri sudah pasti mengawal kegiatan vendor dalam projek pengeluaran barangan elektrik itu kerana mempunyai kepentingan 10 peratus ekuiti.

"Kita akan menentukan usahawan Bumiputera tidak ketinggalan mendapat nikmat daripada projek raksasa itu.

"Unit Perancang Ekonomi Negeri akan menyelaraskan urusan itu dengan pemaju bandar itu, MEC Bhd, termasuk mengenal pasti usahawan Bumiputera berkelayakan," katanya di sini.

Mengikut rancangan, projek Bandar MEC bernilai RM4 bilion itu meliputi kawasan seluas 1,200 hektar.

Terletak di tengah-tengah cadangan laluan Lebuhraya Pantai Timur, bandar itu akan menjadi pusat pengeluaran barangan elektrik berjenama Malaysia iaitu MEC.

Zon pembuatannya yang seluas 200 hektar akan menempatkan 20 kilang pengeluaran dan pemasangan pelbagai barangan elektrik.

Pada peringkat awal, barangan dikeluarkan untuk pasaran tempatan tetapi bercadang mengeksport 80 peratus daripadanya dalam jangka panjang.

Mohd Khalil berkata, usahawan Bumiputera mempunyai banyak peluang beroperasi di bandar itu kerana fungsi vendor penting bagi menjamin kejayaan projek.

(END)